

## KPT teliti isu 'Zero-Balance Policy' di UM

Oleh [Mohd Amin Jalil](#) - September 19, 2023 @ 4:02pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal (kiri) menyampaikan diploma kepada seorang graduan pada Majlis Konvokesyen Kememoratif Kolej Komuniti Malaysia di Dewan Canselor, USIM, Nilai, hari ini. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil.

**NILAI:** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneliti isu dakwaan polisi baki sifar atau Zero-Balance Policy yang mensyaratkan setiap pelajar universiti perlu menjelaskan yuran penuh terlebih dulu sebelum dibenarkan mendaftar kursus.

Timbalan menterinya, Datuk Mohammad Yusof Apdal, berkata pihaknya mempunyai kaedah terbaik yang dipraktikkan selama ini dalam membantu pelajar mengikuti pengajian di universiti.

"Kita akan meneliti terlebih dulu sejauh mana itu serius. Bagaimanapun kita ada kaedah terbaik dalam meringankan beban pelajar walaupun mempunyai polisi yang sudah ditetapkan."

"Di peringkat kementerian dan agensi berkaitan sudah disediakan pelbagai kemudahan termasuk pinjaman daripada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun ada pelajar yang tidak menggunakan sebagai kemudahan untuknya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kememoratif Kolej Komuniti Malaysia di Dewan Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

BH Online hari ini melaporkan Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) menggesa pentadbiran Universiti Malaya (UM) memansuhkan Zero-Balance Policy yang baru dilaksanakan kerana ia membebangkan pelajar.

KMUM dalam kenyataannya, mendakwa menerusi polisi yang dilaksanakan itu, pelajar diwajibkan membayar yuran penuh untuk mengaktifkan status mereka sebagai 'pelajar aktif' dalam pendaftaran kursus.

Pelajar yang tidak mampu menyelesaikan yuran mereka, tidak dapat mendaftar untuk kursus dan modul dalam semester yang akan datang. Perubahan dasar ini, kata KMUM berlaku secara mendadak, tanpa sebarang notis terlebih dahulu oleh pentadbiran UM.

Mengulas lanjut, Mohammad Yusof berkata, tidak timbul soal berhutang dengan PTPTN kerana kemudahan itu disediakan untuk membantu seseorang pelajar mencapai cita-cita.

"Tidak semestinya dia mengambil PTPTN akan berhutang tetapi sebaliknya dia dapat uruskan pengajian dengan sempurna termasuk menjelaskan sebarang yuran yang ditetapkan oleh universiti."

"PTPTN menguruskannya (pinjaman) pula dengan cara yang sempurna khususnya dalam membantu golongan B40."

"Kita sudah sediakan kemudahan ini. Jadi ia perlu dimanfaatkan oleh pelajar dan dalam masa sama pelajar perlu juga berusaha bagaimanapun untuk membayar," katanya yang menegaskan bahawa polisi itu tidak boleh diubah.

Mohammad Yusof berharap perkara itu dapat difahami semua pelajar untuk memastikan peluang mereka mengikuti pengajian yang disediakan tidak terjejas.